

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman wang Perbendaharaan yang telah diberikan yang melebihi 50 juta bagi setiap pinjaman. Nyatakan juga badan atau syarikat-syarikat yang diberi pinjaman dan kadar faedah yang dikenakan dan tempoh pembayaran balik bagi tiap-tiap satu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Januari 2016, jumlah pinjaman yang telah diberi melebihi RM50 juta adalah sebanyak 231 pinjaman dengan nilai RM51,625 juta.

Kadar faedah yang dikenakan bagi setiap pinjaman adalah di antara 0 hingga 8 peratus dan tempoh bayaran balik adalah mulai tahun 1988 hingga 2050. Jumlah pinjaman mengikut kategori adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Bilangan Pinjaman	Jumlah (RM)
1.	Negeri	86	9,906 juta
2.	Syarikat	105	28,178 juta
3.	Badan Berkanun	21	11,245 juta
4.	Koperasi	2	178 juta
5.	Pihak Berkuasa Tempatan	2	353juta
6.	Pelbagai	15	1,765 juta
	Jumlah	231	51,625 juta